

20/10/1998

LTCM senjata negara sangkal tuduhan Barat

Kadir Dikoh in Tokyo

USAHA menyelamatkan dana lindung nilai, Long-Term Capital Management (LTCM) mendedahkan hubungan yang menempelak kronisme Barat yang sebelum ini kerap menuduh kerajaan di Asia termasuk Malaysia mengamalkan nepotisme dan kronisme, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kejatuhan LTCM berikutan kerugian besar memaksa tindakan menyelamatkan oleh bank sehingga kesannya turut meragut banyak syarikat lain.

"Bila LTCM ini rugi, mereka menyuruh bank untuk `bail-out' (menyelamat) syarikat ini. Yang membuat bail-out itu adalah pengarah bank yang mempunyai pelaburan di dalam LTCM.

"Mereka ini menggunakan duit bank untuk berbuat demikian kerana nak bail-out diri mereka sendiri. Itu lebih dahsyat lagi," katanya pada majlis dialog bersama Perdana Menteri di Kedutaan Malaysia di Tokyo, lewat petang kelmarin.

LTCM dibiayai bank untuk membuat pertaruhan di pasaran sehingga mencecah AS\$200 bilion (RM760 bilion) berbanding modal ekuiti AS\$4.8 bilion yang dimilikinya. Banyak bank perdagangan membuat pembiayaan kepada LTCM, menawarkan 10 sen bagi setiap dolar gadaian, tanpa mengenakan sebarang had pinjaman keseluruhan.

Pada majlis itu, seorang pelajar meminta penjelasan lanjut Perdana Menteri mengenai isu dakwaan tindakan menyelamatkan syarikat tertentu di Malaysia serta kenyataan pemimpin pembangkang, Lim Kit Siang bahawa banyak lagi syarikat tempatan yang ada kaitan dengan pemimpin kerajaan akan diselamatkan.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan Satu berkata, masyarakat Barat kini mula menyuarakan mengenai keperluan mengawal selia kegiatan manipulatif dana lindung nilai dan pedagang mata wang selepas mereka sendiri berasa kesan perit tindakan itu.

"Sekarang ini (George) Soros pun rugi AS\$2 bilion dan Tiger Fund (dana lindung nilai) rugi AS\$4 bilion. Selama ini, orang Barat dan media mereka menuduh kita mengamalkan kronisme dan nepotisme iaitu konon pemimpin bagi kekayaan negara kepada suku sakat."

"Kalau dia orang (berbuat demikian) boleh, mereka anggap kita tak betul, tak jujur dan pandang hina terhadap kita. Memang mereka mahu memburukkan kita dengan menuduh bahawa kita `bail-out' syarikat tertentu kerana ia dimiliki kawan kita ataupun anak kita."

"Kita sudah dedahkan dalam perhimpunan agung Umno (Jun lalu) siapa sebenarnya yang memiliki syarikat ini, bahkan semua orang dapat peluang niaga dan memiliki syarikat malah beribu mendapat manfaat," katanya.

Beliau berkata, di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB), tidak seorang pun Bumiputera yang tidak dapat nikmat, bahkan bukan Bumiputera turut menikmatinya.

Namun katanya, pihak asing menuduh kononnya DEB semata-mata untuk menolong beberapa kerat kawan pemimpin Umno, sambil menyifatkannya sebagai tidak berasas sama sekali.

"Umpamanya kalau kita nak swasta syarikat penerbangan, kita bagi kepada orang yang menjual sate. Bolehkah dia uruskan syarikat penerbangan, duit pun tak ada, tentu kita cari orang yang ada kebolehan."

"Dan orang itu bukan kawan kita. Jadi selepas dia dapat, dia jadi terkenal, kita kenal dia walaupun kita tak kenal 100 peratus, kita kenal juga."

"Bagi mereka tak ada satupun yang kita buat adalah baik. Kalau kita buat benda yang tidak baik, mustahil negara kita dapat mencapai kemajuan. Kalau orang dapat biasiswa dalam negara kita, apakah mereka daripada keluarga pemimpin."

"Keluarga kepada pemimpin bermakna pemimpin mempunyai banyak keluarga kerana puluhan ribu yang dapat. Takkan semua ini jadi keluarga kepada pemimpin. Sebenarnya kita bagi peluang perniagaan, peluang belajar kepada semua yang layak mendapat, yang tak layak kita tak bagi," katanya.

(END)